

**TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT
RHB Essential Assure (REA) Protection Boost Kempen
("Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini")**

Pelanggan- pelanggan yang berminat untuk menyertai kempen ini dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat ini sebelum mendaftar penyertaan mereka dalam kempen ini.

Mana-mana pelanggan yang tidak memahami mana-mana Terma dan Syarat ini boleh menghubungi Pusat Hubungan Pelanggan RHB, yang butiran hubungannya dinyatakan dalam klausa Terma dan Syarat Am di bawah.

PENGANJUR-PENGANJUR KEMPEN

1. **Kempen** ini **RHB Essential Assure (REA) Protection Boost ("Kempen")** dianjurkan oleh RHB Bank Berhad [No. Pendaftaran 196501000373 (6171-M)] ("**RHB**") dan Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. No. Pendaftaran 199801001430 (457556-X)] ("**TMLM**").

TEMPOH KEMPEN

2. Kempen ini berlangsung dari **17/11/2025** hingga **16/12/2025** ("**Tempoh Kempen**"), termasuk kedua-dua tarikh.

KELAYAKAN

3. Tertakluk kepada Terma dan Syarat, Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan pihak RHB Bank yang baharu dan sedia ada ("**Peserta Yang Layak**").
4. Kempen hanya dikenakan kepada Produk Yanag Layak, RHB Essential Protect ("**Polisi**") yang diundairaitan oleh TMLM. Kempen ini tidak berkenaan untuk produk selain daripada yang dinyatakan dalam Polisi di Klausa 4.

MEKANISME KEMPEN

5. Untuk melayakkan diri bagi RHB Essential Assure (REA) Protection Boost di bawah Kempen ini bagi Polisi:
 - (a) borang permohonan cadangan insurans mestilah dikemukakan kepada TMLM dalam Tempoh Kempen; dan
 - (b) Jumlah Asas yang Diinsuranskan bagi Polisi mestilah sebanyak RM500,000
 - (c) Setiap permohonan layak di bawah Penerimaan Dijamin tanpa perlu menjalani penilaian perubatan
 - (d) Polisi mestilah berkuat kuasa selewat-lewatnya pada 31/12/2025.
6. Peserta Yang Layak tidak berhak mendapat promosi atau kempen lain yang dianjurkan oleh RHB selama Tempoh Kempen, kecuali jika dinyatakan sebaliknya oleh RHB.

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT AM

7. Dengan menyertai Kempen, setiap Peserta Yang Layak bersetuju dengan perkara berikut:-
 - (a) beliau terikat dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
 - (b) (i) dengan memberikan notis terdahulu yang mencukupi, RHB boleh:-

- (1) mengubah mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini atau menggantung atau menamatkan Kempen ini berikutan pengenalan atau perubahan dalam mana-mana undang-undang atau keperluan-keperluan kawal selia yang terpakai kepada RHB dan/atau Kempen ini; atau
 - (2) mengubah mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini jika, tanpa perubahan sedemikian, Bank tidak akan dapat memberi kesan kepada Kempen ini.
- (ii) RHB boleh memberi notis sedemikian:-
- (1) dengan menghantar notis sedemikian dan sebab(-sebab) perubahan, penggantungan atau penamatan sedemikian kepada Peserta-Peserta Yang Layak;
 - (2) dengan menghantar notis sedemikian dan sebab(-sebab) untuk perubahan, penggantungan atau penamatan sedemikian melalui Perkhidmatan Mesej Ringkas (*Short Message Service* ("SMS")) atau Mesej Langsung Elektronik (*Electronic Direct Message* ("EDM")) kepada Peserta-Peserta Yang Layak; atau
 - (3) dengan memaparkan notis tersebut dan sebab(-sebab) bagi perubahan, penggantungan atau penamatan sedemikian di cawangan-cawangan RHB atau laman web RHB.
- (iii) Mana-mana Peserta Yang Layak yang tidak bersetuju dengan perubahan, penggantungan atau penamatan sedemikian dikehendaki memberitahu RHB dan tidak akan lagi berhak untuk menyertai Kempen ini.
- (c) mana-mana Peserta Yang Layak yang telah menipu atau melakukan apa-apa tindakan yang menyalahi undang-undang atau penipuan berhubung dengan Kempen ini dan/atau produk yang digunakan dalam Kempen ini, akan digugurkan daripada Kempen ini;
- (d) RHB berhak untuk membatalkan, menamatkan, menggantung atau melanjutkan Tempoh Kempen pada bila-bila masa tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan oleh RHB tidak akan melayakkan mana-mana Peserta yang Layak untuk menuntut atau menerima sebarang bentuk pampasan atau ganti rugi terhadap RHB atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta yang Layak, sama ada secara langsung atau tidak langsung, akibat daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
- (e) RHB berhak, mengikut budi bicara mutlakanya, untuk meminda, memadam atau menambah mana-mana Terma dan Syarat ini pada bila-bila masa dengan atau tanpa notis terlebih dahulu. Sebarang pindaan, penambahan, pemadaman atau perubahan kepada Terma dan Syarat ini hendaklah mengikat ke atas semua penyertaan jualan yang layak dan akan dianggap telah dimaklumkan kepada penyertaan jualan yang layak melalui sebarang bentuk notis termasuk tetapi tidak terhad kepada notis melalui e-mel atau laman web, jika berkenaan.
- (f) RHB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan terhadap sebarang kehilangan, kerosakan, atau apa-apa bentuk liabiliti lain (termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian tidak langsung, berbangkit atau ekonomi, kehilangan keuntungan, serta kehilangan peluang) dalam apa jua bentuk dan bagaimana jua cara ianya timbul atau dialami oleh mana-mana penyertaan jualan yang layak, sama ada secara langsung atau tidak langsung, akibat daripada penyertaan dalam Kempen ini;

- (g) RHB tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan untuk melaksanakan obligasinya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh sebarang kejadian **force majeure**, termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, peperangan, rusuhan, sekatan, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, atau apa-apa kejadian lain yang berada di luar kawalan munasabah RHB;
- (h)
 - (i) RHB dikehendaki mendapatkan dan memproses maklumat peribadi Peserta-Peserta Yang Layak untuk mentadbir Kempen;
 - (ii) dengan memberikan maklumat peribadi, Peserta-Peserta Yang Layak telah bersetuju dengan pemprosesan sedemikian oleh RHB; dan
 - (iii) mana-mana Peserta-Peserta Layak yang tidak bersetuju dengan pemprosesan sedemikian oleh RHB dikehendaki memaklumkan RHB dan tidak lagi berhak untuk menyertai Kempen ini;
- (i) beliau seterusnya memberi kebenaran-kebenaran kepada RHB untuk mendapatkan dan memproses maklumat peribadinya untuk tujuan-tujuan penjualan silang, pemasaran dan promosi produk-produk dan/atau perkhidmatan-perkhidmatan Kumpulan Perbankan RHB atau pakatan strategiknya yang RHB fikir mungkin menarik minatnya. Beliau mempunyai pilihan untuk memilih sama ada untuk menerima bahan pemasaran dan promosi untuk bahan yang sama daripada RHB dan boleh memilih atau menukar pilihannya dengan menghubungi Pusat Hubungan Pelanggan RHB seperti berikut:

Pusat Hubungan Pelanggan RHB

E-mel : customer.service@rhbgroup.com

Telefon No. : +603-9206 8118

Borang : rhbgroup.com/personal/banking-methods/contactus.html;

- (j) melainkan jika terdapat sebarang kesilapan yang nyata (jelas), keputusan RHB mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat Peserta Yang Layak;
- (k) beliau boleh menghubungi Pusat Hubungan Pelanggan RHB untuk semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini (termasuk sebarang permintaan untuk menukar atau mengehadkan pemprosesan maklumat peribadinya) kepada Pusat Hubungan Pelanggan RHB;
- (l) jika beliau tidak berpuas hati dengan resolusi yang diberikan oleh Pusat Hubungan Pelanggan RHB dan jika produk(-produk) yang digunakan oleh Kempen ini adalah:-
 - (i) produk(-produk) perbankan, beliau kemudiannya boleh merujuk perkara itu kepada pengendali Skim Ombudsman Kewangan yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia:

Financial Markets Ombudsman Service (FMOS)

Alamat: Tingkat 14, Blok Utama

Menara Takaful Malaysia

No 4, Jalan Sultan Sulaiman

50000 Kuala Lumpur

Telefon: 03-2272 2811

Borang Web: <https://www.fmos.org.my/bm/feedback.html>

Laman Web: <https://www.fmos.org.my/bm/>

- (m) jika berlaku sebarang percanggahan antara Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dan mana-mana bahan lain yang berkaitan dengan Kempen ini, Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan digunapakai bagi perkara-perkara yang ditadbir oleh Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.